

Newspaper	Berita Harian
Date	13/5/2014



Najib dan Muhyiddin menunjukkan buku Laporan Tahunan GTP 2013 yang dilancarkan pada Majlis Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi di Kuala Lumpur; semalam.
(FOTO KHAIRUL AZRY BIDIN/BH)

GTP 2013 capai 104 peratus

BH-13/5/2014

» **Kejayaan hasil suntikan NKEA, SRI sejak tahun 2010**

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Program Transformasi Kerajaan (GTP) berjaya mencapai kejayaan 104 peratus daripada sasaran keseluruhan pada tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kejayaan itu adalah berdasarkan pengesahan pencapaian oleh pakar, termasuk pihak berkecuali.

Hasil pencapaian Bidang

Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaruan Strategik (SRI), beliau merumuskan pencapaian keseluruhan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan berkongsi indikator kejayaan sejak dilancarkan pada tahun 2010.

Labur RM219.3 bilion

“Secara keseluruhannya, sepanjang tiga tahun ini kita berjaya mewujudkan sebanyak 196 projek dengan pelaburan komited berjumlah RM219.3 bilion yang dijangka menyumbang RM144 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar dan mewujudkan hampir 440,000 pekerjaan baharu.

“Selain itu, pencapaian ETP dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan mewujudkan lebih banyak peluang, dilihat dalam sumbangannya kepada pertumbuhan berteru-

san penggunaan swasta yang kini mencakupi 51.2 peratus daripada KDNK,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Majlis Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi di Angkasapuri, malam tadi.

Najib turut berkongsi kisah kejayaan lima peserta yang menyertai pelbagai program di bawah Dasar Transformasi Nasional seluruh negara.

Selain itu, dengan diiringi Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Najib turut melancarkan buku Laporan Tahunan GTP 2013.

Najib juga berkata, Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) berjaya mencipta sejarah baharu dengan pencapaian tertinggi dalam sejarah sebanyak 66 kali sejak tiga tahun lalu.

Saham paras tertinggi

“Kejayaan ini dapat dicerminkan melalui penutupan pasaran saham kita pada tahap tertinggi tahun lalu, iaitu pada paras 1,873 mata,” katanya.

Najib berkata, rakyat boleh bangga berikutan Malaysia menduduki tempat 10 teratas dalam Indeks ‘Ease of Doing Business’ oleh Bank Dunia, seterusnya tempat keenam tahun ini dan kelapan pada tahun 2013.

“Mengimbas kembali keberhasilan yang diraih, saya yakin kita kini berada pada trek (landasan) yang betul untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

“Beberapa petunjuk memberikan gambaran bahawa sekiranya tiada aral melintang, kita mampu mencapai cita-cita ini lebih awal dari yang dijangkakan,” katanya.